

11/07/2003

Jepun mahu tingkat kerjasama pendidikan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi semalam menghasilkan satu lagi komitmen utuh antara kedua-dua negara untuk memperluaskan jalinan kerjasama termasuk dalam usaha menubuhkan Universiti Teknikal Malaysia Jepun.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Koizumi menekankan kepentingan kerjasama dalam sektor pendidikan di samping bidang lain, dengan memberi keutamaan kepada penubuhan universiti yang akan dibuka tidak lama lagi itu.

"Tapak penubuhannya dikenal pasti, tetapi saya tidak boleh memaklumkan sekarang kerana tidak mahu menimbulkan spekulasi.

"Namun, ia menjadi harapan bagi saya dan Koizumi untuk melihat kepada penubuhan universiti berkenaan," katanya selepas mengakhiri beberapa siri

pertemuan dengan pemimpin Jepun termasuk mengadakan kunjungan hormat kepada Koizumi di Pejabat Perdana Menteri Jepun, di sini.

Abdullah turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Takeo Hiranuma dan Menteri Kewangan, Masajuro Shiokawa, di hotel penginapannya di sini.

Sebelum itu, beliau mengadakan perjumpaan makan tengah hari bersama 16 tokoh korporat Jepun.

Cadangan penubuhan universiti berkenaan dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mesyuarat Asean + 3 (Jepun, China dan Korea Selatan) di Brunei pada 2001 dan turut dihadiri Koizumi.

Universiti awam baru dalam bidang kejuruteraan dan teknikal itu akan menjadi universiti pertama di negara ini ditubuhkan dengan kerjasama asing, iaitu kerajaan Jepun.

Ia dibuka kepada semua pelajar dari Asean, di mana tenaga pengajarnya terdiri dari kalangan pakar Jepun dalam bidang berkaitan.

Abdullah berkata, Koizumi juga bersetuju menerima pelajar Malaysia bagi mengikuti bidang perubatan di negara ini.

"Ini adalah satu perkembangan yang baik kerana Jepun mempunyai segala teknologi tertinggi dalam bidang perubatan termasuk kaedah pengajaran yang menggunakan e-perubatan serta telepersidangan.

"Kita boleh mula menghantar pelajar kita ke Jepun mulai sekarang. Tidak

ada masalah," katanya.

Mengenai reaksi pemimpin dan tokoh korporat Jepun kepada perubahan kepimpinan Oktober depan, Abdullah berkata, mereka memberi maklum balas positif dan komited untuk meneruskan hubungan yang erat bersama Malaysia.

"Mereka mahukan kepastian saya untuk meneruskan hubungan itu dan saya menjelaskan dasar baik yang sedia ada akan diteruskan terutama dalam hubungan kerjasama dua hala Malaysia dan Jepun.

"Namun saya juga menyatakan bahawa dasar lain mungkin akan diperkenalkan

pada masa depan iaitu bergantung kepada perkembangan semasa, dalam memastikan pertumbuhan ekonomi antara kedua-dua negara berkembang lebih sihat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, Jepun juga ingin melihat proses rundingan damai antara junta tentera Myanmar dengan ketua pembangkang Aung San Suu Kyi mencapai kejayaan.

Abdullah yang juga ditanya mengenai pertemuannya dengan Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal sebelum tiba di sini berkata, pertemuan itu dibuat bagi membincangkan masalah yang menghalang perbincangan damai di antara kerajaan Filipina dan kumpulan pemisah di selatan Filipina.

Beliau berkata, Arroyo memaklumkan kepadanya beliau tidak akan membantah petisyen yang akan difailkan peguam Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di mahkamah bagi menggantung perintah waran tangkap yang dikeluarkan kepada ketua MILF, Hashim Salamat.

Malaysia sebelum ini meminta Filipina mengetepikan perintah tangkap itu bagi membina keyakinan untuk membolehkan pemimpin MILF menghadiri rundingan damai di Kuala Lumpur.